

Penduduk minta pihak terbabit berbuat sesuatu

Bimbang rumah runtuh dan dihanyutkan air

Oleh TOREK SULONG
berita@kosmo.com.my

PASIR PUTEH – Sebanyak 10 keluarga yang tinggal di tepi sungai Kampung Bukit Abal Timur, dekat sini bimbang rumah mereka bakal roboh ekoran tebing sungai berkenaan semakin terhakis sejak musim banjir baru-baru ini.

Mereka meminta pihak terbabit agar mengambil tindakan segera termasuk membuat penghadang hakisan bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

Menurut seorang penduduk, Tuan Ismail Tuan Merah, 63, beberapa tahun lalu, batu penghadang bagi mengelakkan hakisan akibat arus deras sudah dibina di sungai berkenaan selepas kebimbangan penduduk dimaklumkan kepada pihak berkenaan.

“Banjir yang melanda di kawasan itu selama beberapa hari baru-baru ini telah menyebabkan tebing sungai berkenaan terhakis teruk.

“Banjir juga menyebabkan batu penghadang tersebut mendap ke dasar sungai,” katanya ketika ditemui semalam.

Tuan Ismail memberitahu, pada tahun lepas, dia terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri sebanyak RM6,000 untuk membina semula benteng bagi mengelak hakisan.

Katanya, arus deras sungai yang melimpah tebing baru-baru ini menyebabkan sebahagian tanah di tepi rumahnya mendap.

Seorang lagi penduduk, Abdul Rahman Zakaria, 59, berkata, tapak rumah yang didiaminya sejak 40 tahun lalu terutamanya di bahagian belakang kini hanya pada jarak 0.2 meter dari tebing sungai itu.


Katanya, rumahnya akan roboh dalam sekelip mata sekiranya banjir gelombang ketiga berlaku.

“Saya tidak mampu berbuat apa-apa kecuali berdoa supaya tidak ada lagi banjir dan hujan lebat selepas ini,” katanya.

Seorang suri rumah, Zabidah Mat, 66, pula memberitahu, dia meletakkan guni pasir sebagai benteng memandangkan rumahnya boleh roboh pada bila-bila masa dan dihanyutkan arus deras jika hujan lebat.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung Persekutuan Mukim Cherang Rotan, Wahab Jusoh berkata, masalah yang dihadapi penduduk telah dimaklumkan kepada pihak berkenaan.

Sehubungan itu, dia meminta pihak berkenaan segera mengambil langkah perlu bagi mengelakkan rumah penduduk roboh atau dihanyutkan air.



ZABIDAH menunjukkan runtuhnya tebing kian menghampiri rumahnya yang terletak di tepi sungai Kampung Bukit Abal Timur, Pasir Puteh semalam.

HIDUP SELESA apabila bersara nanti



Cara hidup yang sihat dan simpanan yang mencukupi membolehkan anda menikmati persaraan yang lebih selesa.

